

Kaji semula pendidikan Islam: PM

Oleh Ishak Dalib dan Afandi Ismail

JOHOR BAHRU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu tokoh-tokoh agama membuktikan bahawa Islam adalah mudah dan bukannya satu beban, dalam usaha mengajak generasi muda, terutama pelajar mendekati diri mereka dengan agama.

Perdana Menteri berkata, dengan membuktikan Islam sesuai dengan iklim dan zaman, dibantu oleh kepercayaan dan iman generasi muda, usaha menyekat keruntuhan akhlak di kalangan mereka akan lebih cepat dan berjaya.

Sehubungan itu, beliau meminta tokoh agama supaya turut menyokong kuat dan memainkan peranan yang lebih cergas dalam menjayakan program Rakan Muda bagi menggelak generasi muda terjerumus dalam kegiatan tidak bermoral.

"Negara sedang menghadapi gejala keruntuhan akhlak di kalangan sebahagian besar anak-anak remaja. Yang menyedihkan kita sebagai orang Islam, kebanyakan muda-mudi yang terbabit dengan gejala penyalahgunaan dadah, lepak dan bohsia beragama Islam.

"Sudah tentu keruntuhan moral ini bukan kerana agama yang dianuti mereka. Agama Islam sepatutnya menjadi benteng yang boleh menyelamatkan anak muda daripada terjerumus ke dalam angkara ini.

"Tetapi hakikat yang nyata tidak boleh dinafikan. Anak-anak muda Islam lebih lemah moral mereka daripada bukan Islam," katanya berucap merasmikan Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan, di Kompleks Islam di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, faktor kelemahan moral belia Islam harus dicari, manakala sebab kenapa agama Islam tidak menjadi benteng yang diharapkan perlu dikenal pasti.

Menurutnya, kajian yang cetek sekalipun akan menunjukkan bahawa anak muda tidak berpegang kuat, jauh sekali mengamal ajaran Islam.

"Pengetahuan mereka mengenai ajaran Islam tidak mendalam. Iman mereka juga lemah. Demikianlah terpisahnya mereka daripada ajaran Islam sehingga mereka tidak sedikit pun berasa segan silu dengan kejahilan mereka.

"Tidak dapat tidak kelemahan pengetahuan dan kelemahan mereka mempunyai kaitan dengan penyampaian apa yang ditafsir sebagai ajaran Islam kepada mereka. Mungkin ada

LIHAT MUKA 2

Ibu bapa main peranan: Dr M

DARI MUKA 1

kelemahan dari segi tekanan yang menyebabkan kurang berkesannya pengajaran Islam di sekolah," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun didikan agama bermula di rumah, jika ibu bapa kurang pengetahuan dan tidak faham cara menyampaikan didikan agama, mustahil peranan mereka berkesan.

Menurutnya, soal didikan anak-anak tidak mendapat banyak perhatian dan jika ada pun tekanan hanyalah kepada perkara ibadat seperti sembahyang, puasa dan membaca al-Quran bagi menentukan

keIslaman mereka.

"Walaupun pengajaran agama Islam di sekolah-sekolah diberi masa yang kian bertambah, kesan pengajaran dari segi mencegah kegiatan yang tidak diinginkan tidak begitu terlihat.

"Justeru itu, isi kandungan didikan agama perlu diberi perhatian, dikaji dan dianalisis sedalam-dalamnya bukan sahaja oleh pakar-pakar agama tetapi juga ahli pedagogi dan psikologi kanak-kanak.

"Setakat yang diketahui di mana-mana saja tumpuan ajaran agama ialah kepada ibadat-iba-

dat tertentu dengan penekanan terhadap pahala, dosa dan syurga kerana adalah dipercayai dengan cara itu, orang Islam terutamanya kanak-kanak dan anak muda akan berasa takut melakukan dosa dan ingin mendapat ganjaran daripada pahala sehingga mereka akan patuh kepada ajaran Islam.

"Bagi yang kuat iman, memang benar mereka akan takut berbuat dosa tetapi jika pengajaran Islam tidak begitu berkesan, iman akan lemah dan perasaan takut tidak akan dirasai," katanya.

Dr Mahathir berkata,

ada pihak yang mengangap keseronokan sebagai tidak diinginkan oleh agama Islam walaupun ia memang menjadi naluri manusia terutama di masa muda untuk mengedar keseronokan.

"Sekali lagi ajaran ini menekan jiwa anak muda. Mereka berasa agama dan amalannya terlalu berat untuk dipikul dan rasa terkongkong serta muram.

"Yang menerima ajaran Islam berasa marah kepada orang lain yang tidak hirau larangan agama dan yang lain menolak ajaran agama dan tidak lagi berasa terha-

lang oleh agama apabila mengikut nafsu.

"Sebaliknya, keseronokan boleh disalurkan kepada kegiatan yang sihat seperti bersukan, bersyair, menyanyi secara sopan, mempelajari dan memainkan alat muzik, menulis dan membaca serta mendaki gunung," katanya.

Dr Mahathir berkata, kegiatan-kegiatan itu boleh memenuhi masa dan menyeronokkan hati anak muda tanpa menjejaskan pegangan mereka kepada agama atau menyebabkan mereka terjerumus ke kancah tidak bermoral.